

SIKAP TERHADAP PELAKSANAAN PERANCANGAN  
STRATEGIK AKADEMIK SEKOLAH DI DALAM  
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM  
KALANGAN GURU-GURU SEKOLAH MENENGAH  
DI DAERAH TAMBUNAN

MIDIANAH JANE FRANCES DAUTIS



PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2006

## UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS @**

**JUDUL** : Sikap terhadap pelaksanaan Perancangan Strategik Akademik Sekolah di dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru-guru sekolah menengah di daerah Tambunan, Sabah.

**IJAZAH** : Sarjana Pendidikan (Pengurusan Pendidikan)

**SESI PENGAJIAN** : 2003 – 2006

Saya, Midianah Jane Frances Dautis mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk Tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran Antara institusi pengajian tinggi.
4. TIDAK TERHAD



PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Disahkan oleh,

(Penulis: MIDIANAH JANE DAUTIS)

Alamat Tetap:

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

(PROFESSOR. DR. SHUKERY MOHAMED)

Tarikh: 5 Mei 2006

Tarikh: \_\_\_\_\_

CATATAN: @Tesis dimaksudkan sebagai Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara Penyelidikan, atau Disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM)

## PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

MIDIANAH JANE FRANCES DAUTIS

PS03-006(K)-042

MEI 2006



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN

Disertasi bertajuk ' Sikap Terhadap Pelaksanaan Perancangan Strategik Akademik di Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Kalangan Guru-Guru Sekolah Menengah di Daerah Tambunan, Sabah' disediakan oleh Midianah Jane Frances Dautis bagi memenuhi syarat ijazah Sarjana Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah.

Disahkan oleh,



( PROFESSOR DR. SHUKERY MOHAMED)

Penyelia Disertasi

Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial

Universiti Malaysia Sabah,

Kota Kinabalu.

Tarikh:.....29/5/06.....

## PENGHARGAAN

Saya amat bersyukur kepada Tuhan kerana dengan izinnya, saya dapat menyempurnakan penulisan disertasi ini.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih terutamanya kepada penyelia saya, Professor Dr. Shukery Mohamed atas bimbingan, nasihat, dorongan, cadangan, komen dan kritikan yang diberikan oleh beliau dalam proses penyiapan penyelidikan disertasi ini.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dr. Vincent Pang yang sudi memberi komen dan cadangan berkaitan metodologi dan data statistik dalam penyelidikan ini. Tidak lupa juga ditujukan kepada Pn. Rosy Talin yang telah memberikan pandangan dan idea berkaitan penyelidikan ini.

Ucapan terima kasih juga dirakamkan kepada Dekan, Timbalan Dekan, para pensyarah dan kakitangan Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Pusat Pengajian Pascasiswazah dan perpustakaan yang telah memberi kerjasama dan sokongan sepanjang saya mengikuti pengajian.

Di samping itu, saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Pengetua dan guru-guru di empat buah sekolah menengah yang terlibat sebagai responden dalam kajian ini. Kerjasama anda amatlah dihargai. Ucapan ribuan terima kasih juga ditujukan kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu menjayakan disertasi ini.

Akhir sekali, terima kasih atas segala pengorbanan, kesabaran dan harapan kepada:

Suami yang dikasihi,  
Pancratius Primus

Anak-anak yang disayangi,  
Jason Boyd dan David

## ABSTRAK

### **SIKAP TERHADAP PELAKSANAAN PERANCANGAN STRATEGIK AKADEMIK SEKOLAH DI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM KALANGAN GURU-GURU SEKOLAH MENENGAH DI DAERAH TAMBUNAN, SABAH**

Kajian ini adalah satu kajian tinjauan terhadap pelaksanaan perancangan strategik akademik sekolah di kalangan guru-guru sekolah menengah di daerah Tambunan, Sabah. Penyelidikan ini bertujuan untuk mengenalpasti sikap guru-guru terhadap pelaksanaan perancangan strategik akademik sekolah dan mengenalpasti perbezaan sikap terhadap pelaksanaan perancangan strategik akademik berdasarkan kumpulan subjek yang diajar, jantina, kelulusan akademik, pengalaman mengajar, kelayakan ikhtisas dan jawatan di sekolah. Sampel kajian ini terdiri daripada 82 orang guru yang mengajar subjek Matematik dan Bahasa Melayu di empat buah sekolah menengah di daerah Tambunan, Sabah. Pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan satu set soal selidik yang telah diubahsuai daripada soal selidik yang telah digunakan oleh Robertson et. Al (1995) yang mengandungi 50 item subskala sikap terhadap pelaksanaan perancangan strategik akademik sekolah. Penganalisan data kajian untuk mengenalpasti sikap terhadap pelaksanaan perancangan strategik akademik dilakukan secara deskriptif manakala ujian  $t$ , ANOVA Sehalu digunakan untuk mengenalpasti perbezaan sikap terhadap pelaksanaan perancangan strategik akademik dan korelasi Pearson untuk mengenalpasti hubungan yang signifikan di antara pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar. Dapatan kajian menunjukkan sikap sederhana positif pada subskala sikap keseimbangan (min=3.26), keyakinan (min=3.01), kognitif (min=3.47), kesukaan (min=2.93), pelaksanaan (min=2.93), kecekapan (min=3.35) dan sikap sederhana negatif pada subskala sikap tingkahlaku (min=2.59). Terdapat perbezaan sikap yang signifikan di antara subjek diajar pada subskala sikap kecekapan ( $p < 0.05$ ), tetapi tidak terdapat perbezaan sikap yang signifikan di antara jantina pada kesemua subskala sikap, tidak terdapat perbezaan sikap yang signifikan di antara pengalaman mengajar pada kesemua subskala sikap dan terdapat perbezaan sikap yang signifikan di antara kelayakan akademik pada subskala sikap kognitif ( $p < 0.05$ ). Beberapa cadangan diberikan berdasarkan analisis dapatan kajian.



## ABSTRACT

### THE ATTITUDE TOWARDS THE IMPLEMENTATION OF THE ACADEMIC STRATEGIC PLANNING IN THE TEACHING AND LEARNING PROCESS AMONG THE SECONDARY SCHOOL TEACHERS IN TAMBUNAN, SABAH

*This is an exploratory study regarding the implementation of the school's academic strategic planning among the teachers in secondary schools in Tambunan, Sabah. The aims of this research are to identify the attitude of the teachers towards the implementation of the academic strategic planning based on the subject taught, gender, academic qualification, teaching experience, profesional qualification and post in the school. 82 teachers teaching Mathematics and Bahasa Melayu subjects from four secondary schools in Tambunan participated in this study. Data collection was done with a set of modified questionnaire used by Robertson et al. (1995), containing 50 items on the attitude towards the implementation of the academic strategic planning. The data collected was descriptively analysed. T-test and One-Way ANOVA were used to identify the difference of attitude towards the implementation of the academic strategic planning and Pearson Correlation to identify the significant correlation between the independant variables and the dependant variables. The findings recognised the positive attitude towards the implemenattion of the academic strategic planning among the respondents in the anxiety aspect (mean=3.26), confidence (mean=3.01), cognitive (mean=3.47), likeness (2.93), implementation (2.93), effeciency (mean=3.35), and a moderate negative attitude in the behavioral aspect (mean=2.59). The findings showed that there was significant difference between the subject taught in the effeciency attitude sub-scale ( $p < 0.05$ ), but there is no significant difference between the gender in all of the attitude sub-scales. There was also no significant difference between the teaching experience in all of the attitude sub-scales. However, there was a significant difference between the academic qualification in the cognitive aspect ( $P < 0.05$ ). Recommendations were suggested based upon the findings.*

## KANDUNGAN

|       |                                                                           |         |
|-------|---------------------------------------------------------------------------|---------|
|       | PERKARA                                                                   | Halaman |
|       | PENGAKUAN                                                                 | i       |
|       | PENGESAHAN                                                                | ii      |
|       | PENGHARGAAN                                                               | iii     |
|       | ABSTRAK                                                                   | iv      |
|       | ABSTRACT                                                                  | v       |
|       | ISI KANDUNGAN                                                             | vi      |
|       | SENARAI RAJAH                                                             | ix      |
|       | SENARAI JADUAL                                                            | X       |
|       | SENARAI CARTA                                                             | xi      |
|       | SENARAI LAMPIRAN                                                          | xii     |
| <br>  |                                                                           |         |
| Bab 1 | <b>PENGENALAN</b>                                                         | 1       |
|       | 1.1 Latar Belakang                                                        | 1       |
|       | 1.2 Permasalahan Kajian                                                   | 3       |
|       | 1.3 Tujuan Kajian                                                         | 6       |
|       | 1.4 Objektif Kajian                                                       | 6       |
|       | 1.5 Persoalan Kajian                                                      | 7       |
|       | 1.6 Definisi Operasional                                                  | 7       |
|       | 1.6.1 Pelaksanaan Perancangan Strategik Akademik                          | 7       |
|       | 1.6.2 Sikap                                                               | 8       |
|       | 1.6.2 Guru-Guru                                                           | 8       |
|       | 1.6.3 Sekolah Menengah                                                    | 9       |
|       | 1.7 Batasan Kajian                                                        | 9       |
|       | 1.8 Kepentingan Kajian                                                    | 10      |
| <br>  |                                                                           |         |
| Bab 2 | <b>SOROTAN LITERATUR</b>                                                  | 12      |
|       | 2.1 Pendahuluan                                                           | 12      |
|       | 2.2 Konsep Perancangan Strategik                                          | 12      |
|       | 2.3 Teori Sikap dan Pembelajaran                                          | 15      |
|       | 2.3.1 Teori-Teori Pembelajaran (Learning Theories)                        | 18      |
|       | 2.3.2 Teori-Teori Ketekalan (Consistency Theories)                        | 19      |
|       | 2.3.3 Teori-Teori Tindakbalas Kognitif (Cognitive Response Theories)      | 19      |
|       | 2.4 Teori Kognitif                                                        | 20      |
|       | 2.5 Kajian Lepas                                                          | 22      |
|       | 2.6 Pelaksanaan Perancangan Strategik dalam Pendidikan                    | 25      |
|       | 2.7 Kajian Mengenai Sikap Guru-Guru Terhadap Aspek-Aspek dalam Pengurusan | 27      |
|       | 2.9 Kesimpulan                                                            | 28      |



|       |                                                                                                                                                                                |    |
|-------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----|
| Bab 3 | <b>METODOLOGI KAJIAN</b>                                                                                                                                                       | 30 |
|       | 3.1 Pendahuluan                                                                                                                                                                | 30 |
|       | 3.2 Rekabentuk Kajian                                                                                                                                                          | 30 |
|       | 3.3 Populasi dan Sampel Kajian                                                                                                                                                 | 31 |
|       | 3.4 Instrumen Kajian                                                                                                                                                           | 32 |
|       | 3.5 Pentadbiraan Soal selidik                                                                                                                                                  | 35 |
|       | 3.6 Kajian Rintis                                                                                                                                                              | 35 |
|       | 3.7 Penganalisan Data                                                                                                                                                          | 36 |
|       | 3.7.1 Mengenalpasti Sikap Guru-Guru Terhadap Pelaksanaan Perancangan Strategik Akademik                                                                                        | 37 |
|       | 3.7.2 Mengenalpasti Perbezaan Sikap Guru-Guru Terhadap Pelaksanaan Perancangan Strategik Akademik di antara Subjek diajar, Jantina, Pengalaman Mengajar dan Kelayakan Akademik | 39 |
|       | 3.8 Rumusan Metodologi                                                                                                                                                         | 40 |
|       | 3.9 Kesimpulan                                                                                                                                                                 | 41 |
| Bab 4 | <b>DAPATAN KAJIAN</b>                                                                                                                                                          | 42 |
|       | 4.1 Pendahuluan                                                                                                                                                                | 42 |
|       | 4.2 Analisis Sikap Guru Terhadap Pelaksanaan Perancangan Strategik Akademik                                                                                                    | 44 |
|       | 4.2.1 Kebimbangan Terhadap Pelaksanaan Perancangan Strategik Akademik                                                                                                          | 44 |
|       | 4.2.2 Keyakinan Terhadap Pelaksanaan Perancangan Strategik Akademik                                                                                                            | 49 |
|       | 4.2.3 Sikap Kognitif Terhadap Pelaksanaan Perancangan Strategik Akademik                                                                                                       | 52 |
|       | 4.2.4 Tingkahlaku Terhadap Pelaksanaan Perancangan Strategik Akademik                                                                                                          | 58 |
|       | 4.2.5 Kesukaan Terhadap Pelaksanaan Perancangan Strategik Akademik                                                                                                             | 61 |
|       | 4.2.6 Pelaksanaan Perancangan Strategik Akademik                                                                                                                               | 64 |
|       | 4.2.7 Kecekapan Melaksanakan Perancangan Strategik Akademik                                                                                                                    | 67 |
|       | 4.3 Rumusan Min dan Sisihan Piawai untuk setiap Subskala                                                                                                                       | 70 |
|       | 4.4 Perbezaan Sikap Terhadap Pelaksanaan Perancangan Strategik Akademik                                                                                                        | 73 |
|       | 4.4.1 Perbezaan Dari Aspek Kumpulan Subjek                                                                                                                                     | 73 |
|       | 4.4.2 Perbezaan Dari Aspek Kumpulan Jantina                                                                                                                                    | 75 |
|       | 4.4.3 Perbezaan Sikap Dari Aspek Pengalaman Mengajar                                                                                                                           | 76 |
|       | 4.4.4 Perbezaan Sikap Dari Aspek Kelayakan Akademik                                                                                                                            | 77 |
|       | 4.5 Kesimpulan                                                                                                                                                                 | 78 |
| Bab 5 | <b>PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN</b>                                                                                                                                      | 80 |
|       | 5.1 Pendahuluan                                                                                                                                                                | 80 |
|       | 5.2 Perbincangan Dapatan Kajian                                                                                                                                                | 80 |

|                                                                           |     |
|---------------------------------------------------------------------------|-----|
| 5.2.1 Sikap Guru-Guru terhadap Pelaksanaan Perancangan Strategik Akademik | 81  |
| 5.2.2 Perbezaan Sikap terhadap Pelaksanaan Perancangan Strategik Akademik | 86  |
| 5.3 Rumusan                                                               | 89  |
| 5.4 Cadangan                                                              | 90  |
| 5.5 Cadangan Penyelidikan Lanjutan                                        | 92  |
| <b>BIBLIOGRAFI</b>                                                        | 93  |
| <b>LAMPIRAN</b>                                                           |     |
| Borang Soal Selidik                                                       | 96  |
| Surat Kebenaran EPRD                                                      | 100 |



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

| Bil. Rajah | Tajuk                                                                                               | Muka Surat |
|------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------|------------|
| 2.1        | Kerangka Konseptual Hubungan antara Kepercayaan, Sikap, Niat dan Tingkahlaku terhadap sesuatu objek | 17         |
| 3.1        | Rumusan Metodologi Kajian                                                                           | 40         |




## SENARAI JADUAL

| Bil. Jadual | Tajuk                                                                      | Muka Surat |
|-------------|----------------------------------------------------------------------------|------------|
| 3.1         | Agihan dan Pulangan Borang Soal Selidik                                    | 32         |
| 3.2         | Interpretasi Nilai Purata Min                                              | 38         |
| 3.3         | Contoh Jadual Analisis Statistik Deskriptif                                | 38         |
| 4.1         | Latarbelakang Demografi Responden                                          | 43         |
| 4.2         | Kebimbangan Terhadap Pelaksanaan Perancangan Strategik Akademik            | 45         |
| 4.3         | Keyakinan Terhadap Pelaksanaan Perancangan Strategik Akademik              | 49         |
| 4.4         | Sikap Kognitif Terhadap Pelaksanaan Perancangan Strategik Akademik         | 54         |
| 4.5         | Tingkah Laku Terhadap Perancangan Strategik Akademik                       | 58         |
| 4.6         | Kesukaan Terhadap Pelaksanaan Perancangan Strategik Akademik               | 61         |
| 4.7         | Pelaksanaan Terhadap Perancangan Strategik Akademik                        | 65         |
| 4.8         | Kecekapan Melaksanakan Perancangan Strategik Akademik                      | 68         |
| 4.9         | Rumusan Min dan Sisihan Piawai setiap subskala Sikap                       | 71         |
| 4.10        | Perbezaan antara Subjek dan Sikap Terhadap Perancangan Strategik Akademik  | 74         |
| 4.11        | Perbezaan antara Jantina dan Sikap Terhadap Perancangan Strategik Akademik | 75         |
| 4.12        | Perbezaan Sikap dari aspek pengalaman mengajar                             | 76         |
| 4.13        | Perbezaan Sikap dari aspek kelayakan akademik                              | 77         |

## SENARAI CARTA

| Bil. Carta | Tajuk                                                                                | Muka Surat |
|------------|--------------------------------------------------------------------------------------|------------|
| 4.1        | Peratus Kekerapan Kebimbangan Terhadap Pelaksanaan Perancangan Strategik Akademik    | 48         |
| 4.2        | Peratus Kekerapan Keyakinan Terhadap Pelaksanaan Perancangan Strategik Akademik      | 51         |
| 4.3        | Peratus Kekerapan Sikap Kognitif Terhadap Pelaksanaan Perancangan Strategik Akademik | 57         |
| 4.4        | Peratus Kekerapan Tingkah Laku Terhadap Perancangan Strategik Akademik               | 60         |
| 4.5        | Peratus Kekerapan Kesukaan Terhadap Pelaksanaan Perancangan Strategik Akademik       | 63         |
| 4.6        | Peratus Kekerapan Pelaksanaan Terhadap Pelaksanaan Perancangan Strategik Akademik    | 66         |
| 4.7        | Peratus Kekerapan Kecekapan Melaksanakan Perancangan Strategik Akademik              | 69         |
| 4.8        | Purata Min dan Sisihan Piawai untuk Setiap Subskala                                  | 72         |



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI LAMPIRAN

| No. Lampiran | Tajuk                     | Mukasurat |
|--------------|---------------------------|-----------|
| 1            | Soal Selidik              | 96        |
| 2.           | Surat Kebenaran dari EPRD | 100       |



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Latar Belakang**

Selaras dengan peredaran zaman, sekolah sebagai satu institusi yang menawarkan pendidikan kepada individu telah mengalami pelbagai perubahan dan pembaharuan dalam pelbagai aspek. Bermula dari falsafah yang menjadi tonggak yang memandu arah tuju pendidikan sehinggalah ke soal-soal mengenai cara-cara menguruskan sekolah. Memandangkan hakikat bahawa sekolah itu merupakan agen sosial yang dapat melahirkan manusia yang serba lengkap dari segi jasmani, rohani, emosi dan intelek, maka aspek pengurusan sekolah telah menjadi fokus perbincangan pembaharuan dan penekanan Kementerian Pelajaran dan Jabatan Pelajaran khususnya. Ini disebabkan aspek pengurusan dan perancangan sekolah memainkan peranan yang sangat penting bagi memastikan sekolah dan pendidikan yang boleh dianggap sebagai kilang dan industri yang berfungsi melahirkan pemimpin negara, pekerja mahir dan juga rakyat, dapat beroperasi dengan berkesan, seterusnya dapat memberikan sumbangan ke arah pembangunan bangsa.

Pengurusan sekolah yang berkesan pula akan dapat memastikan segala perancangan sekolah dapat digubal dan dilaksanakan dengan rapi agar hasrat

negara untuk menjadi negara maju menjelang tahun 2020 akan tercapai dengan lebih tersusun dan berkesan.

Senario masa hadapan yang menuju ke tahun 2020 dan peranan sektor pendidikan untuk menyediakan tenaga mahir dan intelektual bagi keperluan negara telah membawa kepada keperluan untuk memberi penekanan dan membuat perubahan dalam aspek pengurusan dan perancangan sekolah. Justeru itu, satu konsep pengurusan telah diperkenalkan ke dalam pengurusan atau perancangan sekolah iaitu pengurusan atau perancangan strategik yang mula diaplikasikan di dalam pengurusan sekolah-sekolah mulai tahun 1980an. Para perancang pendidikan percaya bahawa konsep perancangan strategik dalam pengurusan sekolah ini mampu membantu mempercepat serta meningkatkan keberkesanan pencapaian matlamat yang terkandung dalam Wawasan 2020.

Pengurusan atau perancangan strategik merupakan konsep baru dalam pendidikan di Malaysia. Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan merupakan jabatan pendidikan yang menjadi perintis dengan menjalankan konsep pengurusan strategik dalam pengurusannya dari tahun 1983 – 1987 ( Abdul Wahab, 1993 dalam Zainal Abidin Mohamed, 1999 ). Semenjak itu, konsep ini telah dilaksanakan oleh semua sekolah di negara ini secara berperingkat-peringkat.

Penggunaan konsep pengurusan atau perancangan strategik di sekolah-sekolah di negara ini telah memberikan nafas baru kepada sekolah-sekolah yang

sekian lama terbelenggu dengan gaya pengurusan konvensional yang kurang jelas dan kurang sistematik. Justeru, Jabatan Pelajaran telah memberikan pelbagai kursus dan seminar khusus untuk memberi pendedahan dan tunjuk ajar kepada pengurus-pengurus sekolah agar konsep ini dapat digunakan dengan maksimum. Hasilnya, wujudlah beberapa dokumen penting yang memuatkan perancangan dan pengurusan strategik di sekolah-sekolah. Contoh dokumen-dokumen tersebut termasuklah Perancangan Strategik Sekolah, Perancangan Strategik Panitia, Rancangan Jangka panjang Akademik, 'Beyond Excellence', Pelan Tindakan Tahunan dan lain-lain lagi. Kesemua perancangan ini dibuat dengan tujuan meningkatkan prestasi keseluruhan sekolah terutamanya prestasi akademik.

## 1.2 Permasalahan Kajian

Usaha Jabatan Pelajaran memperkenalkan konsep perancangan strategik ke dalam pengurusan sekolah terutama sekali pengurusan akademik membayangkan perubahan yang agak dramatik khususnya di kalangan guru-guru yang menjadi agen penting dalam mengimplementasi dan merealisasikan segala perancangan yang dibuat. Malah sering kedengaran keluhan di kalangan para guru yang sudah selesa dengan kedudukan mereka, yang beranggapan bahawa tugas melaksanakan segala perancangan yang diarahkan oleh sekolah melalui konsep perancangan strategik ini semakin membebankan berbanding situasi sebelum adanya perancangan strategik.

Keadaan ini diperjelaskan lagi dengan keengganan para guru untuk melaksanakan aktiviti akademik atau khususnya aktiviti pengajaran dan pembelajaran mengikut perancangan strategik yang telah dirancang. Situasi ini seterusnya telah menyebabkan munculnya satu fenomena yang membayangkan kegagalan konsep pengurusan ini di kebanyakan sekolah kerana sekiranya pelaksanaan konsep ini berjaya, sudah tentu tidak terdapat begitu banyak sekolah yang mempunyai peratus keputusan peperiksaan akademik yang berada di bawah 70% setiap tahun.

Pendeknya, perancangan strategik di peringkat sekolah yang sepatutnya dilihat sebagai satu pembaharuan dan perubahan nampaknya tidak dilaksanakan dengan sepenuhnya. Malah di kebanyakan sekolah, sebahagian besar perancangan **strategik** yang telah dibuat hanya tinggal tercatat rapi di dalam dokumen yang tebal, cantik dan kemas di bilik Pengetua, Guru Besar, GPK atau dalam simpanan guru-guru sendiri. Oleh yang demikian, terdapat keperluan yang amat tinggi untuk menilai status penerimaan dan pelaksanaan oleh guru-guru khususnya terhadap perancangan strategik akademik di dalam proses pengajaran dan pembelajaran di peringkat sekolah.

Faktor persediaan mental, pengetahuan dan kemahiran di kalangan anggota adalah penting ke arah sesuatu perubahan dalam organisasi ( Steers dan Black, 1994 ). Antara petunjuk-petunjuk kepada persediaan mental di kalangan anggota organisasi ialah mempunyai sikap yang positif terhadap agenda perubahan yang dicadangkan di samping memahami tujuan atau sebab-

sebab di sebalik perubahan yang akan dilaksanakan. Sikap terhadap perubahan adalah antara faktor yang menyumbang kepada penerimaan guru-guru terhadap pelaksanaan perancangan strategik ini.

Sikap seperti yang ditakrifkan oleh Zimbardo dan Leippe ( 1991 ) sebagai satu penilaian terhadap kecenderungan terhadap sesuatu objek berdasarkan kepada kognitif, reaksi afektif, tingkahlaku yang diinginkan dan tingkahlaku masa lalu boleh mempengaruhi pemikiran, respon afektif dan tingkahlaku pada masa akan datang, adalah merupakan perkara asasi yang perlu diambil kira sebelum melaksanakan usaha untuk memperkenalkan komitmen di kalangan guru kerana ia bukan sahaja mempengaruhi penerimaan awal terhadap perancangan strategik akademik sekolah, tetapi juga akan mempengaruhi tingkahlaku mereka terhadap pelaksanaan perancangan strategik akademik sekolah kelak. Ini disebabkan dengan hanya berbekalkan dokumen perancangan strategik akademik semata-mata tidak akan menjamin kejayaan pelaksanaan konsep perancangan strategik sekolah secara berkesan, tanpa mengambil kira faktor kecenderungan guru untuk melaksanakannya.

Tanpa persiapan dari aspek sikap, segala program perubahan yang dicadangkan akan menghadapi halangan besar untuk membentuk dan mengerakkan jentera utama perubahan iaitu sumber manusia ke arah menjayakan program perubahan di dalam sesebuah organisasi.

### 1.3 Tujuan Kajian

Tujuan utama kajian ini adalah untuk melihat sikap terhadap pelaksanaan perancangan strategik akademik di kalangan guru-guru sekolah menengah yang mengajar subjek Matematik dan Bahasa Melayu. Selain itu, kajian ini juga akan mengenalpasti sikap guru-guru tersebut terhadap pelaksanaan perancangan strategik akademik sekolah di dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

### 1.4 Objektif Kajian

Bagi mencapai tujuan kajian, beberapa objektif kajian dikemukakan iaitu:

1. Menenalpasti sikap guru-guru terhadap pelaksanaan perancangan strategik akademik di dalam proses pengajaran dan pembelajaran
2. Menenalpasti perbezaan sikap terhadap pelaksanaan perancangan strategik akademik antara kumpulan jantina, subjek diajar, kelulusan akademik dan pengalaman mengajar.



## 1.5 Persoalan Kajian

Sebagai panduan untuk mencapai tujuan dan objektif-objektif kajian ini, beberapa persoalan kajian berikut dikemukakan:

1. Apakah sikap guru-guru Matematik dan Bahasa Melayu sekolah menengah di daerah Tambunan terhadap pelaksanaan perancangan strategik akademik?
2. Adakah wujud perbezaan sikap yang signifikan terhadap pelaksanaan perancangan strategik di kalangan guru-guru sekolah menengah di daerah Tambunan berdasarkan jantina, subjek diajar, kelulusan akademik dan pengalaman mengajar?

## 1.6 Definisi Operasional

### 1.6.1 Pelaksanaan Perancangan Strategik Akademik

Perancangan Strategik Akademik yang dimaksudkan di dalam kajian ini ialah semua perancangan strategik kurikulum atau akademik bagi Panitia Matematik dan Panitia Bahasa Melayu. Perancangan Strategik Akademik Panitia ini merupakan semua perancangan yang dibuat berdasarkan analisis SWOT (*strength, weaknesses, opportunity dan threats*). Kandungan Perancangan ini



termasuklah fokus atau perkara yang ingin dipertingkatkan, strategi untuk mencapai, pelan tindakan dan pelaksanaannya. Dengan kata lain, perancangan ini mengandungi segala perancangan dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk meningkatkan prestasi pelajar dalam subjek Matematik dan Bahasa Melayu. Perancangan Strategik akademik ini pula terbahagi kepada dua iatu Perancangan Jangka Panjang ( lazimnya lima tahun ) dan perancangan Jangka Pendek ( satu tahun ). Peringkat pelaksanaan perancangan ini memberi tanggungjawab yang besar kepada warga guru subjek berkenaan untuk melaksanakan segala perancangan yang dibuat bagi meningkatkan prestasi pelajar.

### **1.6.2 Sikap**

Sikap dalam kajian ini merujuk kepada emosi dan perasaan seseorang individu dari segi kebimbangan, keyakinan, keseronokan semasa melaksanakan sesuatu perkara yang berkaitan dengan tugas mereka (Loyd, 1994)

### **1.6.3 Guru-Guru**

Guru-guru adalah merujuk kepada semua pegawai-pegawai Perkhidmatan Siswazah dan Bukan Siswazah yang dilatih khusus secara ikhtisas oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dalam subjek Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Sejarah, Geografi, Pendidikan Moral, Biologi, Matematik

Tambahan, Kimia, Fizik, Kemahiran Hidup, Perdagangan, Ekonomi, Pendidikan Seni dan Pendidikan Islam serta mereka yang diarahkan mengajar subjek-subjek berkenaan di sekolah tempat mereka berkhidmat. Walaubagaimanapun, kajian ini hanya akan melibatkan guru-guru yang mengajar subjek Matematik dan Bahasa Melayu sahaja.

#### **1.6.4 Sekolah Menengah**

Sekolah Menengah dalam kajian ini merujuk kepada tempat yang disediakan oleh kerajaan untuk mengendalikan aktiviti-aktiviti dan program akademik biasa kepada remaja yang berumur lebih kurang 13 hingga 17 tahun. Sekolah-sekolah yang dipilih dalam kajian ini adalah sekolah –sekolah yang dikenalpasti sebagai sekolah gred A dan B yang terletak di daerah Tambunan.

#### **1.7 Batasan Kajian**

Kajian ini hanya akan memberi tumpuan terhadap sikap di kalangan guru-guru sekolah menengah yang mengajar subjek Matematik dan Bahasa Melayu di daerah Tambunan. Pemilihan sampel dari kalangan guru-guru sekolah menengah di daerah Tambunan ini adalah berdasarkan hakikat bahawa guru-guru ini mempunyai latar belakang yang berbeza dari segi disiplin subjek yang diajar. Secara praktisnya, guru-guru ini mempunyai pendekatan yang berbeza terhadap pelaksanaan perancangan akademik kerana penekanan subjek masing-masing yang berbeza. Di samping itu, pemilihan ini juga dibuat

berdasarkan hakikat bahawa Bahasa Melayu merupakan subjek yang wajib diambil oleh semua pelajar dan wajib lulus untuk membolehkan pelajar layak mendapat sijil dalam peperiksaan PMR dan SPM sementara subjek Matematik adalah salah satu matapelajaran teras sahaja dan bukan merupakan syarat untuk lulus untuk mendapatkan sijil diperingkat PMR dan SPM. Maka dengan itu, pemilihan kedua-dua sampel ini akan cuba mengenalpasti perbezaan-perbezaan dan persamaan yang wujud antara kedua-dua kumpulan guru ini. Oleh kerana itu, dapatan kajian ini tidak akan menggambarkan sikap guru-guru dalam subjek-subjek yang lain selain daripada subjek Matematik dan Bahasa Melayu.

Kajian ini hanya dilakukan di empat buah sekolah menengah yang terdapat di daerah Tambunan, Sabah sahaja. Oleh itu, dapatan kajian ini tidak semestinya menggambarkan sikap terhadap penerimaan dan pelaksanaan perancangan strategik akademik di sekolah-sekolah menengah di daerah-daerah lain atau di negeri-negeri lain.

## 1.8 Kepentingan Kajian

Kajian mengenai sikap dan penerimaan terhadap pelaksanaan perancangan strategik akademik di kalangan guru-guru perlu dijalankan bagi mengenalpasti tahap penerimaan dan kesediaan mereka dalam melaksanakan perancangan strategik akademik di dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi tahap penerimaan tersebut. Hasil kajian ini akan: